




# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan  
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian-Kementerian**

**23 OKT. 2017 HINGGA 30 NOV. 2017  
SOALAN NO : 201 HINGGA 300**



**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ANYI NGAU [BARAM]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan program Kementerian menempatkan sekurang-kurangnya 90 peratus guru-guru berasal dari Negeri Sarawak di sekolah-sekolah tempatan. Nyatakan pecahan guru mengikut kaum yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Sarawak.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan kepada pengisian jawatan guru di Sarawak pada 4 Oktober 2017, seramai 42,378 sedang berkhidmat di negeri tersebut. Dari pengisian itu 88 peratus merupakan guru yang dikategorikan sebagai guru asal Sarawak iaitu seramai 33,601 merupakan guru asal Sarawak dan seramai 3,612 merupakan guru yang pasangan mereka adalah asal Sarawak dan menetap di Sarawak. Manakala bakinya iaitu 12 peratus merupakan guru yang berasal dari Semenanjung dan Sabah.

2

Pecahan guru mengikut kaum yang berkhidmat di Sarawak adalah seperti berikut:

BIL	KAUM	BILANGAN GURU
1	Bajau	52
2	Bidayuh	3,709
3	Brunei	7
4	Bumiputera Lain (Sabah)	146
5	Bumiputera Lain (Sarawak)	840
6	Cina	9,918
7	Dusun	117
8	Eurasian	5
9	Filipina	1
10	Iban	6,830
11	India	175
12	Kadazan	109
13	Kayan	286
14	Kedayan	61
15	Kelabit	55
16	Kenyah	286
17	Lain-Lain	25
18	Lun Bawang	124
19	Melanau	2,545
20	Melayu	16,831
21	Murut	20
22	Orang Asli (Semenanjung)	8
23	Penan	7
24	Portugis	1
25	Rungus	2
26	Siam	12
27	Sikh	11
28	Sungai	3
29	Tiada Maklumat	10